

**SUKAN MALAYSIA IX, 2002**  
**PERATURAN PERTANDINGAN PENCAK SILAT**  
**(LELAKI DAN WANITA)**

**1.0 PERATURAN AM**

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Undang-undang dan Peraturan **Pertandingan Olahraga Pencak Silat Antarabangsa (PESILAT)**.
- 1.2 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut :-
  - 1.2.1 Semua kejadian am akan diputuskan berasas kepada **PERATURAN AM SUKAN MALAYSIA IX, 2002**.
  - 1.2.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasas kepada Undang-undang dan Peraturan Pertandingan Olahraga Pencak Silat Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (PESILAT).
- 1.3 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Silat Olahraga SUKAN MALAYSIA IX, 2002 adalah muktamad.

**2.0 TARIKH PERTANDINGAN**

05 Sept hingga 12 Sept, 2002.

**3.0 TEMPAT PERTANDINGAN**

Dewan Saadah, Wisma MUIS,  
Kota Kinabalu  
Sabah.

**4.0 PENYERTAAN**

- 4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua pasukan Negeri, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Universiti-universiti Malaysia (MASUM) dan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM). Penyertaan hendaklah dibuat melalui Majlis Sukan masing-masing.
- 4.2 Setiap Negeri, PDRM dan MASUM dan MSSM boleh mendaftarkan satu (1) pasukan PUTERA dan satu (1) pasukan PUTERI terdiri daripada :-

	<b>PASUKAN PUTERA</b>	<b>PASUKAN PUTERI</b>
Pengurus Pasukan	1 orang	-
Jurulatih	2 orang	1 orang
Pengadil	2 orang (1 s.seni)	-
Wiralaga (silat olahraga)	10 orang	5 orang
Silat seni	3 orang	3 orang
	<b>18 orang</b>	<b>9 orang</b>
	=====	=====

## **5.0 KELAYAKAN PESERTA**

- 5.1 Hanya peserta yang lahir pada tahun 1981 hingga 5 September 1985 sahaja yang layak didaftarkan oleh sesuatu pasukan.
- 5.2 Semua pasukan hendaklah mengemukakan dua (2) salinan Kad Pengenalan dan tiga (3) keping gambar berukuran Pasport Antarabangsa bagi setiap peserta bersama dengan Borang Pendaftaran Peserta. Bagi peserta PDRM kesahihan tarikh lahir hendaklah disahkan oleh Pengerusi/Setiausaha Majlis Sukan PDRM. Peserta yang dipilih daripada Angkatan Tentera DiRaja Malaysia hendaklah menggunakan kad pengenalan BAT 10 sebagai pengenalan rasmi masing-masing. Semua peserta yang menggunakan dokumen pendaftaran JPN 1/9 atau JPN 1/11 mestilah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, Petaling Jaya sahaja.
- 5.3 Hanya peserta yang didaftarkan dengan Yuran Pendaftaran RM 20.00 seorang mengikut Peraturan Am

perkara 6.2 sahaja yang layak menyertai pertandingan ini.

- 5.4 Peserta-peserta gantian yang dikemukakan selepas tarikh tutup pendaftaran/semasa taklimat Pengurus Pasukan akan dikenakan Yuran Pendaftaran RM 20.00 seorang. Semua Yuran Pendaftaran peserta tidak akan dikembalikan.
- 5.5 Tertakluk kepada Peraturan Am perkara 20.7, peserta yang berkhidmat dengan PDRM dan pelajar-pelajar yang sedang menuntut di Pusat Pengajian Tinggi yang bergabung dengan MASUM tidak boleh mewakili mana-mana kontinjen/negeri kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Sukan berkenaan.
- 5.6 Atlet-atlet yang sedang menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi yang mendapat biasiswa/dermasiswa daripada Kerajaan negeri hendaklah dibenarkan mewakili negeri yang menaja mereka.
- 5.7 Seseorang pesilat kebangsaan hanya dibenarkan menyertai seperti mengikut Peraturan Am Perkara 4.6.
- 5.8 Taraf Permastautin peserta adalah tertakluk kepada Peraturan Am Perkara 20.11.

## **6.0 MESYUARAT PENGURUS PASUKAN**

- 6.1 Mesyuarat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan.
- 6.2 Pengurus-pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta dengan Kad Pengenalan atau Pasport Antarabangsa atau dokumen pendaftaran JPN 1/9 atau JPN 1/11 mestilah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, Petaling Jaya yang asal untuk disahkan. Tambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan.
- 6.3 Senarai peserta yang disahkan semasa Taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad.

## **7.0 KELAS-KELAS YANG DIPERTANDINGKAN**

### **7.1. SILAT OLAHRAGA (WIRALAGA)**

#### **7.1.1 PUTERA**

- i) Kelas 'A' 45 kg dan tidak melebihi 50 kg
- ii) Kelas 'B' 50 kg dan tidak melebihi 55 kg
- iii) Kelas 'C' 55 kg dan tidak melebihi 60 kg
- iv) Kelas 'D' 60 kg dan tidak melebihi 65 kg
- v) Kelas 'E' 65 kg dan tidak melebihi 70 kg
- vi) Kelas 'F' 70 kg dan tidak melebihi 75 kg
- vii) Kelas 'G' 75 kg dan tidak melebihi 80 kg
- viii) Kelas 'H' 80 kg dan tidak melebihi 85 kg
- xi) Kelas 'I' 85 kg dan tidak melebihi 90 kg
- x) Kelas 'J' 90 kg dan tidak melebihi 95 kg.

#### **7.1.2 PUTERI**

- i) Kelas 'A' 45 kg dan tidak melebihi 50 kg
- ii) Kelas 'B' 50 kg dan tidak melebihi 55 kg
- iii) Kelas 'C' 55 kg dan tidak melebihi 60 kg
- iv) Kelas 'D' 60 kg dan tidak melebihi 65 kg
- v) Kelas 'E' 65 kg dan tidak melebihi 70 kg

### **7.2. SILAT SENI**

#### **7.2.1 PUTERA**

- i) Wiragana
- ii) Wirasanggha

#### 7.2.2 PUTERI

- i) Wiragana
- ii) Wirasanggha

### **8.0 PEMERIKSAAN KESIHATAN**

- 8.1 Semua Pesilat mestilah disahkan sihat dan layak bertanding oleh Pegawai Perubatan.
- 8.2 Surat akuan sihat, cergas dan layak bertanding bagi tiap-tiap Pesilat hendaklah dikemukakan kepada Urusetia Kejuaraan Silat Olahraga, SUKAN MALAYSIA IX, 2002 ketika mendaftar.
- 8.3 Pesilat yang tidak mengemukakan surat akuan sihat, cergas untuk bertanding daripada Pegawai Kesihatan tidak layak menyertai pertandingan ini.

### **9.0 TIMBANG/TIMBANG-ULANG**

- 9.1 Semua Pesilat hendaklah ditimbang dan direkod berat badannya bagi menentukan kelas pertandingan.
- 9.2 Pada penimbangan yang pertama (rasmi) berat badan mesti berada di dalam kelasnya dengan memakai pakaian seperti berikut :-
  - 9.2.1 Untuk PUTERA dengan memakai celana dalam tanpa baju.
  - 9.2.2 Untuk PUTERI dengan memakai celana pencak silat dan kaos (T-Shirt).
- 9.3 Semua Pesilat mesti menjalankan timbang ulang setiap lima belas (15) minit sebelum setiap pertandingan.

9.4 Pada penimbangan ulang 14 minit sebelum bertanding Pesilat Putera/Puteri dengan memakai pakaian pencak silat lengkap bertanding tanpa body protector.

9.4.1 Toleransi berat badannya adalah seperti berikut :-

- a) Minimum 0.7 kg
- b) Maksimum 0.7 kg

9.5 Pesilat yang gagal mengekalkan berat badan dalam kes yang didaftarkan semasa ditimbang ulang akan **dibatalkan (Disqualified)** untuk bertanding seterusnya mengikut **Fasal 8, Ayat 4, Perenggan D** dalam Peraturan Pertandingan Pencak Silat Olahraga Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa.

## 10.0 PAKAIAN SILAT

10.1 Semasa bertanding :-

10.1.1 Setiap Pesilat hendaklah memakai pakaian seragam silat berwarna hitam dengan potongan Melayu

10.1.2 Setiap Pesilat hendaklah memakai pelindung badan.

10.1.3 Setiap Pesilat hendaklah memakai pelindung kemaluan yang diperbuat daripada bahan plastik.

10.1.4 Pelindung sendi yang nipis (tiada sponge) hanya satu lapis sahaja dengan bersesuaian pada fungsinya.

## 11.0 KAEDAH PERTANDINGAN

11.1 Silat Olahraga-Kategori Wiralaga

11.1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-undang dan Peraturan Silat Olahraga Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (PERSILAT).

- 11.1.2 Pertandingan akan dijalankan secara Kalah-Mati dan setiap perlawanan akan mengandungi tiga (3) pusingan. Tempoh setiap pusingan adalah dua (2) minit dan masa rehat di antara pusingan adalah satu (1) minit.
- 11.1.3 Setelah Pesilat disahkan layak bertanding dalam kes yang ditentukan mengikut berat badannya, maka ia akan diundi menentukan jadual perlawanan dalam kes itu.
- 11.1.4 Semua Pesilat hendaklah melaporkan diri di gelanggang pertandingan iaitu tiga puluh (30) minit sebelum pertandingan dimulakan. Jika gagal hadir selepas panggilan yang ketiga oleh Ketua Pertandingan, peserta yang berkenaan akan dikira kalah dan kemenangan akan diberi kepada pihak lawannya.

## **12.0 PENGADIL-PENGADIL**

- 12.1 Pengarah Pertandingan, Delegat Teknikal, Ketua Pertandingan, Dewan Wasit/Juri, Dewan Hakim dan Wasit/Juri akan dilantik oleh Majlis Sukan Negara Malaysia (MSNM) yang akan berhubung terus dengan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan SUKAN MALAYSIA IX, 2002 dengan persetujuan dari PESAKA.
- 12.1.1 Segala tanggungan adalah dibawah pengurusan Jawatankuasa Pengelola.
- 12.2 Setiap pertandingan dikendalikan oleh pegawai-pegawai yang diiktiraf oleh PESAKA.
- 12.3 Semua keputusan yang dibuat oleh Pengadil-pengadil adalah muktamad.
- 12.4 Sistem Bendera akan digunakan kepada pemenang.

## **13.0 BANTAHAN/TATATERTIB**

- 13.1 Semua pasukan boleh membuat bantahan. Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis

dengan disertakan Wang Pertaruhan sebanyak RM 200.00 tunai.

- 13.2 Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Ketua Pertandingan dalam masa sepuluh (10) minit selepas keputusan diumumkan.
- 13.3 Wang pertaruhan akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar.
- 13.4 Bantahan boleh dibuat dan akan diproses mengikut Fasal 11, Ayat 5 Peraturan Pertandingan Pencak Silat Olahraga Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa.
- 13.5 Keputusan Dewan Hakim bantahan adalah muktamad.

#### **14.0 GANTIRUGI**

- 14.1 Majlis Sukan Negara, Majlis Sukan Negeri, Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA) dan Jawatankausa Pengelola tidak bertanggungjawab atas sebarang kemalangan atau kecelakaan yang mungkin berlaku ke atas mana-mana peserta atau pegawai-pegawai di sepanjang berlangsungnya SUKAN MALAYSIA IX, 2002 ini atau dalam perjalanan pergi dan balik dari rumah/pusat kontingen dan ke tempat pertandingan.

#### **15.0 PENANGGUHAN**

- 15.1 Tarikh, tempat dan masa pertandingan yang telah ditetapkan oleh Urusetia Kejuaraan Silat Olahraga SUKAN MALAYSIA IX, 2002 adalah sama sekali tidak boleh ditangguh atau diubah.
- 15.2 Jawatankuasa Pengelola mempunyai kuasa untuk menangguh atau mengubah sesuatu pertandingan dengan terlebih dahulu diberitahu kepada Pengurus-pengurus Pasukan.

## 16.0 HADIAH-HADIAH

16.1 Pingat-pingat akan dihadiahkan seperti berikut :-

	<b>EMAS</b>	<b>PERAK</b>	<b>GANGSA</b>
<b>PUTERA</b>			
Kelas 'A' 45 kg - 50 kg	1	1	2
Kelas 'B' 50 kg - 55 kg	1	1	2
Kelas 'C' 55 kg - 60 kg	1	1	2
Kelas 'D' 60 kg - 65 kg	1	1	2
Kelas 'E' 65 kg - 70 kg	1	1	2
Kelas 'F' 70 kg - 75 kg	1	1	2
Kelas 'G' 75 kg - 80 kg	1	1	2
Kelas 'H' 80 kg - 85 kg	1	1	2
Kelas 'I' 85 kg - 90 kg	1	1	2
Kelas 'J' 90 kg - 95 kg	1	1	2
Wiragana	1	1	1
Wirasanggha	1	1	1
	<b>12</b>	<b>12</b>	<b>22</b>

	<b>EMAS</b>	<b>PERAK</b>	<b>GANGSA</b>
<b>PUTERI</b>			
Kelas 'A' 45 kg -50 kg	1	1	2
Kelas 'B' 50 kg - 55 kg	1	1	2

Kelas 'C' 55 kg - 60 kg	1	1	2
Kelas 'D' 60 kg - 65 kg	1	1	2
Kelas 'E' 60 kg - 70 kg	1	1	2
Wiragana	1	1	1
Wirasanggha	1	1	1
	<b>7</b>	<b>7</b>	<b>12</b>
	=====		

16.2 Pemberian pingat-pingat kemenangan adalah tertakluk kepada Peraturan Tetap 14.3

Disediakan oleh :-  
 Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan  
 SUKAN MALAYSIA IX, 2002  
*peraturan am sukma 2002/pencaksilat/200301/azhar*